

Penduduk desak pihak berwajib baiki sistem perparitan elak kejadian sama berulang

Puncak Alam dilanda banjir kilat

Oleh AHMAD SHAHERMAN SHAMSURI

KUALA SELANGOR — Lebih 200 penduduk di Jalan Lautan Samudera, Bandar Puncak Alam di sini terpaksa dipindahkan apabila kediaman mereka dinaiki air setinggi satu meter akibat hujan lebat kira-kira dua jam malam kelmarin.



Lebih 167 buah rumah di kawasan itu ditenggelami banjir kilat selepas hujan lebat bermula pada

pukul 6 petang.

Bagaimanapun, kesemua mangsa yang dipindahkan ke pusat pemindahan sementara di Surau Taufiqiyah, Sinar Alam di sini telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing pada pukul 6 pagi semalam selepas air surut.

Ekoran kejadian itu, pen-



NORAZAM mengeluarkan barang-barang yang ditenggelami air selepas banjir kilat di Jalan Lautan Samudera, Bandar Puncak Alam, Kuala Selangor semalam.

duduk menggesa pihak berkuasa menyelesaikan segera punca masalah banjir kilat tersebut agar ia tidak berulang pada masa akan datang.

Menurut seorang penduduk,

Norazam Yahya, 43, dia kini hidup dalam kebimbangan apabila kawasan yang didiami sejak lebih 14 tahun itu sentiasa diancam banjir kilat apabila hujan lebat.



SEBAHAGIAN penduduk terpaksa berpindah selepas banjir kilat melanda sebahagian kawasan di Bandar Puncak Alam, Kuala Selangor malam kelmarin.

Dakwanya, bencana tersebut menjadi semakin buruk apabila banyak pembinaan taman perumahan baharu dan pusat komersial diwujudkan di sekitar Bandar Puncak Alam.

“Kami risau dengan keadaan cuaca sekarang yang tidak menentu, banjir boleh berlaku bila-bila masa. Jika tiada tindakan segera, kami risau keadaan banjir kilat di taman perumahan ini akan bertambah parah pada masa akan datang,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Sementara itu, Ahli Parlimen Kuala Selangor, Datuk Irmo-hizam Ibrahim (**gambar kecil**) berkata, banjir kilat di kawasan itu dipercayai berpunca daripada sistem perparitan yang tidak sempurna dan tidak diselenggara dengan baik.

Katanya, kejadian itu merupakan kali kedua berlaku di kawasan berkenaan selepas yang pertama terjadi pada Ogos lalu.

“Kali ini, air naik dengan cepat menyebabkan kawasan perumahan di Jalan Lautan Samudera ditenggelami air sehingga paras pinggang,” katanya ketika melawat mangsa banjir kilat di Bandar Puncak Alam semalam.